

Konflik Thailand-Kamboja

# Sidang Khas Menteri Luar ASEAN tangguh

Malaysia pantau situasi, terus rayu kedua-dua negara hentikan pertempuran

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mesyuarat Khas Menteri Luar ASEAN yang dijadual hari ini, ditangguhkan bagi memastikan semua perkara disusun secara teratur, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, walaupun mesyuarat khas bagi mengukuhkan peranan kolektif ASEAN dalam memelihara keamanan serantau ditangguhkan, Malaysia masih menyelaras dan memantau keadaan.

“Mesyuarat Khas Menteri Luar yang dijadualkan esok (hari ini) ditangguhkan sedikit bagi kami memastikan segala perkara dapat disusun dengan baik.

“Namun, kita terus merayu kepada mereka supaya menghentikan pertempuran. Perkara ini amat kritikal,” katanya selepas pelancaran buku *Remembering Unde Idris: Renewing the Spirit of Civic Activism* di sini, semalam.

Yang turut hadir, Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul; Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Pengerusi Institut Antarabangsa Kajian Lanjutan Is-



Anwar menyerahkan buku *The Man Who Could Move Mountains: Reflections on the Social Activism of SM Mohamed Idris* kepada Mohideen

di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

lam (IAIS), Prof Dr Maszlee Malik dan adik Allahyarham SM Mohamed Idris, Mohideen Abdul Kadir.

Perdana Menteri berkata, beliau sentiasa berhubung dengan rakan sejawatnya dari Thailand, Anutin Charnvirakul dan Hun Manet dari Kamboja.

“Saya berhubung dengan mereka secara maya hampir setiap hari,” katanya.

## Arahan masih dirunding

Mengulas arahan sekatan di Teluk Thailand bagi menghalang penghantaran bahan api dan bekalan ketenteraan ke Kamboja, Anwar berkata, perkara itu masih dirunding.

“Kita masih berunding untuk meredakan keadaan,” katanya. Sebelum ini, Bangkok menafikan dakwaan Presiden Ameri-

ka Syarikat (AS), Donald Trump, bahawa gencatan senjata sudah dipersetujui dengan Kamboja untuk menghentikan pertempuran semula itu yang memasuki minggu kedua.

Pemimpin Thailand menegaskan tiada sebarang perjanjian gencatan senjata dicapai dan kedua-dua kerajaan memaklumkan pertempuran masih berterusan semaiam.

Jurucakap Kementerian Pertahanan Thailand, Surasant Kongsiri, dilaporkan berkata Kamboja menembak dan mengebom beberapa wilayah sempadan pada waktu malam.

Sementara itu, Jurucakap Kementerian Pertahanan Kamboja, Maly Socheata, berkata Thailand terus menembak mortar dan bom ke kawasan sempadan sejak tengah malam.